



KERTAS CADANGAN

**ANUGERAH MEDAN SELERA BERSIH, SELAMAT
DAN SIHAT 2015**

Anjuran :

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DENGAN KERJASAMA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

NOTA KEPADA KETUA PENGARAH KESIHATAN
**ANUGERAH MEDAN SELERA (*FOOD COURT*) BERSIH,
SELAMAT DAN SIHAT 2015**

1.0 PENGENALAN

Seiring dengan gaya hidup masa kini, budaya makan di luar menyumbang kepada peningkatan bilangan premis makanan di seluruh negara sama ada restoran, kedai makan, medan selera (*food court*), gerai, kiosk dan sebagainya. Dalam hal ini, kewujudan medan selera di seluruh negara bukan sahaja bermanfaat kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana, malah ia turut menjadi pilihan pelancong disebabkan kepelbagaian menu yang ditawarkan di medan selera pada harga yang berpatutan.

Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil berat isu kebersihan dan keselamatan makanan di medan selera bagi memastikan penyakit bawaan air dan makanan, khususnya keracunan makanan dapat dicegah.

Dalam hal ini, KKM sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas pelbagai jenis premis makanan, termasuk gerai makanan yang turut meliputi gerai makanan di medan selera. Pada tahun 2013, sebanyak 456 (1.16%) buah gerai makanan telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 daripada sejumlah 39,621 buah gerai makanan yang diperiksa. Manakala dalam tempoh Januari hingga Ogos 2014, sebanyak 567 (1.54%) buah gerai makanan telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 daripada sejumlah 36,859 buah gerai makanan yang diperiksa.

Manakala masalah penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan yang tidak seimbang di kalangan rakyat negara ini turut mendapat perhatian KKM. Sebagai contoh, bilangan pesakit diabetes telah meningkat daripada 659,938 pesakit pada tahun 2010 kepada 764,594 pesakit pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 15.9%.

Sebagai inisiatif untuk memastikan medan selera di seluruh negara sentiasa menyediakan makanan yang bersih, selamat dan sihat, KKM buat julung kalinya telah menganjurkan pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan pada tahun 2014 yang hanya melibatkan medan selera yang dibina dan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja. Di antara objektif utama pertandingan tersebut dianjurkan adalah untuk mewujudkan persaingan sihat di kalangan PBT untuk meningkatkan tahap kebersihan premis makanan di medan selera di bawah kendalian masing-masing dan memberi pengiktirafan kepada pengusaha makanan di medan selera yang berjaya mengurus dengan cemerlang aspek kebersihan dan keselamatan makanan.

Bagi mengiktiraf pemenang pertandingan tersebut, satu majlis penyampaian anugerah yang gilang gemilang telah diadakan pada 13 November 2014 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah mendapat sambutan yang baik di mana kebanyakan PBT di negara ini menghantar wakil masing-masing untuk menghadiri majlis tersebut. Turut hadir ke majlis tersebut adalah wakil daripada 22 buah medan selera yang layak bertanding di peringkat kebangsaan. Berdasarkan impak yang baik daripada pertandingan ini, YB Menteri Kesihatan dalam ucapan perasmian beliau sempena majlis tersebut telah mencadangkan agar pertandingan ini diteruskan dan turut melibatkan medan selera di bawah pengurusan pihak swasta.

2.0 OBJEKTIF

2.1 Objektif Umum

Untuk meningkatkan tahap kebersihan medan selera di seluruh negara supaya menjadi destinasi menjamu selera yang bersih dan selamat.

2.2 Objektif Khusus

- 2.2.1 Meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan pengendali makanan di medan selera mengenai kepentingan membudayakan amalan kebersihan dan keselamatan dalam penyediaan makanan;
- 2.2.2 Mewujudkan persaingan sihat di kalangan pemilik medan selera untuk meningkatkan tahap kebersihan premis makanan di medan selera di bawah kendalian masing-masing;
- 2.2.3 Memberi pengiktirafan kepada pengusaha makanan di medan selera yang berjaya mengurus dengan cemerlang aspek kebersihan dan keselamatan makanan;
- 2.2.4 Memberi pengiktirafan kepada pengusaha makanan di medan selera yang berjaya menyediakan makanan dalam saiz hidangan yang betul mengikut keperluan individu serta mempromosikan amalan pemakanan yang sihat; dan
- 2.2.5 Memberi penghargaan kepada pengusaha medan selera yang berjaya mengurus medan selera dengan cemerlang dari aspek kebersihan dan keselamatan makanan.

3.0 SKOP

3.1 Pencalonan

- 3.1.1 Pertandingan Peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan
 - Pencalonan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan PBT.
- 3.1.2 Pertandingan Peringkat Kebangsaan
 - Hanya **johan** di peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan sahaja dicalonkan.

3.2 Kategori Pertandingan

- 3.2.1 Kategori A : Medan selera di bawah PBT/agensi kerajaan yang mempunyai bilangan premis makanan 30 dan ke bawah
- 3.2.2 Kategori B : Medan selera di bawah PBT/agensi kerajaan yang mempunyai bilangan premis makanan 31 dan ke atas
- 3.2.3 Kategori C : Medan selera swasta yang beroperasi di dalam kompleks membeli-belah / *hypermarket* atau bangunan sendiri
- 3.2.4 Kategori D : Medan selera yang beroperasi di terminal pengangkutan awam
- 3.2.5 Kategori E : Medan selera yang beroperasi di kawasan rehat dan rawat
- 3.2.6 Johan keseluruhan (peringkat kebangsaan sahaja) : Johan setiap kategori di atas akan dinilai untuk menentukan pemenang

3.3 Skop Penilaian

- 3.3.1 Penilaian tahap kebersihan premis makanan berdasarkan Borang Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan
- 3.3.2 Amalan promosi pemakanan sihat
- 3.3.3 Keceriaan dan keselamatan
- 3.3.4 Promosi dan inovasi yang berkaitan dengan kesihatan
- 3.3.5 Komitmen peniaga dan pemilik medan selera

3.4 Pelaksanaan Pertandingan

- 3.4.1 Pertandingan Peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan
 - 3.4.1.1 Pertandingan terbuka kepada semua medan selera yang dicalonkan oleh pihak PKD dan PBT dan diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing.

- 3.4.1.2 Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan perlu diwujudkan bagi mengendalikan pertandingan.
- 3.4.1.3 Had bilangan penyertaan oleh setiap daerah hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan masing-masing.
- 3.4.1.4 Penilaian dijalankan oleh juri yang telah dilantik di peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan masing-masing.
- 3.4.1.5 Lima (5) orang juri perlu dilantik dari Jabatan Kesihatan dan wakil kerajaan negeri yang terdiri daripada :
 - i. Pegawai Teknologi Makanan;
 - ii. Pegawai atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran;
 - iii. Pegawai Sains Pemakanan;
 - iv. Pegawai Pendidikan Kesihatan; dan
 - v. Pegawai yang mewakili Exco Kesihatan atau Kerajaan Tempatan atau yang setaraf.

3.4.2 Pertandingan Peringkat Kebangsaan

- 3.4.2.1 Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan hanya boleh mencalonkan **johan** peringkat negeri / wilayah bagi setiap kategori kepada Jawatankuasa Pertandingan selewat-lewatnya pada **19 Jun 2015** bersama dengan video yang perlu disediakan oleh JKN / Wilayah Persekutuan masing-masing. Sebarang kelewatan akan dianggap tiada penyertaan.
- 3.4.2.2 Juri dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan dilantik mengikut kepakaran masing-masing terdiri daripada:
 - i. Pegawai Teknologi Makanan (KKM);

- ii. Pegawai / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (KKM);
- iii. Pegawai Sains Pemakanan;
- iv. Pegawai Pendidikan Kesihatan (KKM); dan
- v. Pegawai Bahagian Kesihatan Persekitaran KPKT.

3.4.2.3 Juri akan membuat penilaian ke atas semua calon yang dihantar oleh Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Negeri / Wilayah Persekutuan berdasarkan video yang disediakan oleh JKN / Wilayah Persekutuan masing-masing bagi menentukan lima (5) calon terbaik untuk setiap kategori.

3.4.2.4 Lawatan oleh pihak juri akan dijalankan ke atas semua 5 calon yang telah disenarai pendek bagi menentukan pemenang peringkat kebangsaan untuk setiap kategori.

3.4.2.5 Lawatan oleh pihak juri akan dijalankan ke atas premis johan setiap kategori untuk menentukan johan keseluruhan.

3.4.2.6 Ketua juri akan dilantik bagi mengetuai lawatan pengesahan pemenang.

3.4.3 Pihak JKN / PBT akan dimaklumkan 1 minggu sebelum lawatan penilaian (Verifikasi) bagi menentukan pemenang di peringkat kebangsaan tetapi tarikh sebenar lawatan tidak akan dimaklumkan.

3.4.4 Syarat-syarat pertandingan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1** sementara Jawatankuasa Pertandingan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 2**.

4.0 INSENTIF

4.1 **Jumlah Keseluruhan Hadiah**
RM282,900 sahaja.

4.2 Hadiah Pemenang Peringkat Kebangsaan

Sila rujuk **Lampiran 3**.

4.3 Hadiah Pemenang Peringkat Negeri

Sila rujuk **Lampiran 4**.

Nota :

- *Hadiah wang tunai akan diberi kepada pihak yang dikenalpasti mewakili semua pengusaha premis makanan di medan selera tersebut. Contoh: Persatuan peniaga atau mana-mana peniaga medan selera tersebut yang dipersetujui secara bertulis oleh semua peniaga di medan selera berkenaan untuk menerima hadiah tersebut bagi pihak mereka;*
- *Sijil pengiktirafan sebagai pemenang akan diserahkan kepada wakil medan selera tersebut dan pihak yang memiliki / menguruskan medan selera tersebut.*

4.3 Insentif Tambahan

Johan di peringkat kebangsaan dan di semua peringkat negeri / wilayah akan dipromosikan di dalam laman web <http://www.tourism.gov.my/>.

5.0 MAJLIS PENGANUGERAHAN

Majlis penganugerahan akan dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan pada 3 November 2015 dan dijangka turut dihadiri oleh YB Menteri KPKT. Kementerian Kesihatan akan menjadi penganjur utama majlis dan membiayai semua perbelanjaan dari segi keperluan logistik dan jamuan.

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) adalah urusetia dalam penyediaan hadiah berupa wang tunai dan sijil penyertaan dalam bingkai kepada pemenang pertandingan. Penganjuran

pertandingan ini akan menggunakan peruntukan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan sedia ada.

Syarat-Syarat Pencalonan Bagi Anugerah Medan Selera (*Food Court*) Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan 2015

1. Medan selera yang dipertandingkan perlu memenuhi syarat-syarat pertandingan seperti berikut:
 - a. Setiap premis makanan di dalam medan selera tersebut perlu berlesen dengan pihak PBT dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan;
 - b. Purata tahap penilaian pemeriksaan premis makanan sama atau melebihi 85% (borang KKM-PPKM 1/14); dan
 - c. Mempunyai kemudahan tandas, kemudahan sanitasi, pembuangan sampah, perangkap minyak dan bekalan air bersih (terawat);
 - d. Bilangan premis makanan di setiap medan selera hendaklah sekurang-kurangnya lima (5) unit.
2. Rakaman visual dalam bentuk video yang disediakan oleh JKN akan digunakan untuk tujuan penilaian bagi pertandingan peringkat Kebangsaan.
3. Pihak penganjur berhak menarik balik pencalonan atau penganugerahan daripada medan selera yang dicalonkan atau menerima anugerah jika berlaku keracunan makanan disebabkan makanan yang disediakan di medan selera tersebut sepanjang tempoh pertandingan berlangsung.
4. Persetujuan dari Ketua Juri adalah perlu jika berlaku bercanggahan markah, perselisihan pendapat / markah meragukan, maka satu lawatan untuk menilai semula akan dilakukan oleh pihak juri kebangsaan bagi memutuskan pemenang atau mendapatkan gambaran sebenar.
5. Keputusan juri adalah muktamad segala rayuan atau bantahan atau tindakan bagi menggagalkan penganugerahan ini tidak akan dilayan.

**A Jawatankuasa Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih,
Selamat dan Sihat 2015 Peringkat Kebangsaan**

Pengerusi

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha :

Timbalan Pengarah (Pematuhan Domestik)
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Urusetia

Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Pematuhan Domestik
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli-Ahli :

1. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM
2. Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM
3. Bahagian Pemakanan, KKM
4. Bahagian Kesihatan Persekitaran, KPKT
5. Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia
6. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
7. Perbadanan Putrajaya
8. Majlis Perbandaran Ampang Jaya

B. Jawatankuasa Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2015 Peringkat Negeri

Penasihat :

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri

Pengerusi :

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

Urusetia:

Pegawai Teknologi Makanan
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri

Ahli-ahli :

Jabatan Kesihatan Negeri

Pegawai Pendidikan Kesihatan Negeri

Pegawai/Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran BKKM

Pegawai Sains Pemakanan

Wakil Exco Kesihatan dan Kerajaan Tempatan atau yang setaraf

Pejabat Kesihatan Daerah

Pengerusi

Pegawai Kesihatan Daerah

Ahli

Pegawai Teknologi Makanan

Pegawai Sains Pemakanan

Pegawai/Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Pegawai dari PBT

**ANGGARAN PERUNTUKAN HADIAH BAGI
PERTANDINGAN ANUGERAH MEDAN SELERA
BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT 2015 PERINGKAT KEBANGSAAN**

Kedudukan	KATEGORI A		KATEGORI B		KATEGORI C		KATEGORI D		KATEGORI E		JOHAN KESELURUHAN		JUMLAH	
	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)
Johan	3,000	50	4,000	50	3,000	50	3,000	50	3,000	50	5,000	50	21,000	300
N. Johan	2,500	50	3,500	50	2,500	50	2,500	50	2,500	50	4,500	50	18,000	300
Ketiga	2,000	50	3,000	50	2,000	50	2,000	50	2,000	50	4,000	50	15,000	300
Jumlah Keseluruhan												54,000	900	

Nota :

**Dua (2) sijil dalam bingkai masing-masing untuk medan selera dan pihak pemilik / pengurusan medan selera*

**ANGGARAN PERUNTUKAN HADIAH BAGI
PERTANDINGAN ANUGERAH MEDAN SELERA
BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT 2015 PERINGKAT NEGERI / WILAYAH**

Kedudukan	KATEGORI A		KATEGORI B		KATEGORI C		KATEGORI D		KATEGORI E		JUMLAH	
	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)	Wang Tunai (RM)	Sijil* (RM)
Johan	1,000 x 16	50 x 16	2,000 x 16	50 x 16	1,000 x 16	50 x 16	1,000 x 16	50 x 16	1,000 x 16	50 x 16	96,000	4,000
N. Johan	750 x 16	50 x 16	1500 x 16	50 x 16	750 x 16	50 x 16	750 x 16	50 x 16	750 x 16	50 x 16	72,000	4,000
Ketiga	500 x 16	50 x 16	1000 x 16	50 x 16	500 x 16	50 x 16	500 x 16	50 x 16	500 x 16	50 x 16	48,000	4,000
Jumlah Keseluruhan											216,000	12,000

Nota :

***Dua (2) sijil dalam bingkai masing-masing untuk medan selera dan pihak pemilik / pengurusan medan selera**

Negeri / Wilayah terlibat adalah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, WP Kuala Lumpur (DBKL), WP Putrajaya (Perbadanan Putrajaya), Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah dan WP Labuan